

## **Kerjaya Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Sejurus Menamatkan Pengajian di Universiti Utara Malaysia**

Syahrina Abdullah  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia

Armanurah Mohamad  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia

Habshah Bakar  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia

### **ABSTRAK**

Pendidikan keusahawanan di universiti adalah penting dalam menyemai budaya keusahawanan seterusnya memotivasikan graduan untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Pendidikan keusahawanan kini merupakan satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara. Peluang mendapat pendidikan yang berkualiti akan melahirkan tenaga manusia yang mampu menterjemahkan agenda pembangunan negara kepada kejayaan ekonomi sesebuah negara. Namun demikian, apabila pengeluaran graduan adalah tinggi timbul masalah penempatan mereka dalam pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan mereka. Krisis ekonomi pada tahun 1980an dan 1990an banyak mencorakkan proses persediaan graduan ke alam pekerjaan. Mereka bukan sekadar mencari pekerjaan tetapi juga mencipta pekerjaan melalui pembelajaran keusahawanan yang dirancang dengan teliti. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana program keusahawanan yang ditawarkan dapat melahirkan bakal usahawan dalam bidang keusahawanan serta mengenal pasti masalah-masalah yang berkemungkinan dihadapi oleh mereka semasa memulakan perniagaan. Selain itu, objektif kajian juga untuk mengenal pasti sejauh mana graduan program ini melibatkan diri dalam pekerjaan yang menjurus kepada perniagaan yang memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Seramai 51 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini di mana soal selidik telah diedarkan semasa hari konvokesyen UUM ke 23. Analisis deskriptif telah dilaksanakan dan mendapati bahawa 33.3% graduan telah memulakan perniagaan, sebahagian besar daripada mereka berhadapan dengan masalah-masalah tertentu ketika memulakan perniagaan. Kertas kerja ini menengahkan beberapa langkah kepada graduan agar lebih kompetitif dalam menghadapi menceburi bidang perniagaan.

Kata kunci: pendidikan keusahawanan, program keusahawanan, kurikulum, memulakan perniagaan

### **PENGENALAN**

Kajian Pengesanan Graduan mula dijalankan di peringkat nasional pada tahun 2002 atas inisiatif dan penyelarasan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan universiti-universiti tempatan. Kajian ini dijalankan terhadap graduan yang tamat pengajian dan layak menerima ijazah pada tahun berkenaan. Pendapat yang mengatakan bahawa usahawan hanya dilahirkan merupakan satu mitos sahaja. Para pendidik dan ilmuan percaya bahawa usahawan boleh dibentuk dan dibangunkan melalui pelbagai program latihan dan pendidikan keusahawanan. Terdapat pelbagai program latihan dan pendidikan keusahawanan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Pendidikan keusahawanan ini dilaksanakan secara formal sama ada disepadukan dalam kurikulum sedia ada atau dilaksanakan secara khusus dengan tujuan agar pelajar yang mempunyai ciri keusahawanan atau berkecenderungan menjadi usahawan dapat dilahirkan. Terdapat lebih daripada 500 buah universiti di Amerika, United Kingdom dan Australia menawarkan berbagai kursus dalam bidang keusahawanan (Kuratko & Hodgett 2005).

Universiti Utara Malaysia (UUM) menerajui keunggulan dalam melahirkan ramai golongan pengurus baik di sektor awam mahupun swasta. Sejak dari awal penubuhannya, UUM kekal di atas

landasan untuk melahirkan pengurus profesional yang cekap dalam meneruskan pembangunan Malaysia. Selaras dengan tujuan ini juga, UUM menekankan aspek keusahawanan sebagai sebahagian daripada fokus pendidikan ke arah melahirkan golongan profesional yang mempunyai ciri keusahawanan malahan mampu menjadi usahawan yang berjaya. Bermula dengan penawaran satu kursus Keusahawanan yang ditawarkan sebagai kursus elektif kepada pelajar sejak awal tahun 1990an lagi, disiplin keusahawanan telah berkembang. Sehingga kini kursus keusahawanan bukan sahaja menjadi kursus yang ditawarkan sebagai teras universiti bahkan satu program Sarjana Muda Keusahawanan (SMK) telah di tawarkan di UUM sejak sesi pengajian 2004/2005 (Habshah et al., 2012). Selain daripada itu prasarana dan persekitaran dalaman yang menyokong aktiviti keusahawanan di UUM diperkembangkan dengan penyediaan institusi kecemerlangan iaitu Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), unit ko-kurikulum Keusahawanan, bangunan The Mall bagi aktiviti siswaniaga, kiosk perniagaan di kawasan akademik dan Dewan Penginapan Pelajar UUM. Semua prasarana fizikal yang dibangunkan ini bertujuan untuk menyokong dan menyemarakkan aktiviti kebudayaan keusahawanan di kawasan kampus UUM Sintok.

UUM juga telah membentuk berbagai usahasama dengan pelbagai agensi berkaitan dengan keusahawanan dan menjemput pelbagai pihak untuk berkongsi pengalaman dalam pembangunan keusahawanan. Usaha ini sememangnya banyak menyokong penyemaian bibit-bibit keusahawanan dalam kalangan graduan UUM. Justeru itu, adalah diharap pelajar yang melalui pengalaman terancang seperti mereka dari Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan, pendedahan menyeluruh dalam program ini mampu menyediakan mereka dalam menghadapi cabaran setelah tamat pengajian. Bagi memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran dan penyediaan program keusahawanan yang berkesan, maka satu kajian pengesanan graduan telah dilakukan. Kajian tersebut telah dilaksanakan semasa Majlis konvokesyen UUM yang merupakan majlis graduasi bagi kumpulan ketiga graduan program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan sejak dilancarkan pada Jun 2004.

## LATARBELAKANG

Pendapat yang mengatakan bahawa usahawan hanya dilahirkan merupakan satu mitos sahaja. Para pendidik dan ilmuan percaya bahawa usahawan boleh dibentuk dan dibangunkan melalui pelbagai program latihan dan pendidikan keusahawanan. Terdapat pelbagai program latihan dan pendidikan keusahawanan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Pendidikan keusahawanan ini dilaksanakan secara formal sama ada disepadukan dalam kurikulum sedia ada atau dilaksanakan secara khusus dengan tujuan agar pelajar yang mempunyai ciri keusahawanan atau berkecenderungan menjadi usahawan dapat dilahirkan. Contohnya, terdapat lebih daripada 500 buah universiti di Amerika, United Kingdom dan Australia menawarkan berbagai kursus dalam bidang keusahawanan (Kuratko & Hodgett 2005).

Penawaran program akademik dan latihan keusahawanan adalah penting kerana impak daripada kewujudan ramai usahawan adalah sangat penting kepada sosial dan ekonomi sesebuah negara. Daripada aspek ekonomi, impak syarikat-syarikat yang diterajui oleh alumni universiti adalah lebih besar berdasarkan pendedahan dan pembinaan keupayaan mereka (Robinson & Sexton, 1994). Malahan universiti juga dilihat sebagai sumber yang mampu melahirkan usahawan dalam pelbagai bidang seperti teknologi maklumat dan bioteknologi (Luthje & Franke, 2002). Golongan ini dapat memperkenalkan inovasi dalam pasaran produk yang limpahan faedahnya dapat dinikmati oleh masyarakat dalam sesebuah negara. Usahawan siswazah juga merupakan golongan yang menerajui perniagaan kecil dan sederhana dengan sumbangan terbesar dalam menawarkan peluang-peluang pekerjaan. Kesan penglibatan mereka sebagai usahawan bukan sahaja mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan, malahan turut membantu orang lain mendapatkan pekerjaan.

Hal ini dibuktikan oleh kajian Clark, Davis dan Harnish (1984) yang mendapati bahawa 80 peratus pelajar yang mengambil kursus asas keusahawanan telah benar-benar memulakan perniagaan. Lebih daripada tiga per empat responden dalam kajian tersebut telah mengatakan bahawa kursus berkenaan banyak mempengaruhi pilihan kerjaya mereka. Walau bagaimanapun dapatan kajian tersebut agak bercanggah dengan kajian pengesanan yang telah dibuat oleh Zokafli et al. (2004) terhadap graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan UUM yang mendapati kurang hanya enam orang (0.4 peratus) yang terlibat dalam perniagaan sendiri daripada 1469 orang graduan. Keadaan ini menunjukkan wujud keperluan untuk mengadakan satu kajian bagi mengesan keberkesanan program pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan di UUM secara khususnya terhadap graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong seseorang menceburi bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya. Menurut Faris (1999) dalam membincangkan sama ada usahawan dilahirkan atau

dibina menegaskan bahawa terdapat berbagai faktor dalam menentukan sama ada seorang itu akan menjadi usahawan. Beliau mengatakan bahawa terdapat interaksi beberapa faktor seperti ciri-ciri dalam individu tersebut, persekitarannya, persekitaran perniagaan, matlamat yang telah ditetapkan dan adanya idea perniagaan yang bernas yang mendorong seseorang menjadi usahawan. Ciri-ciri keusahawanan dalam diri seseorang dapat dipupuk dalam diri melalui program dan latihan keusahawanan yang berkesan. Malahan keupayaan universiti dalam memberikan kemahiran dan pengetahuan aspek-aspek berkaitan keusahawanan tidak dapat dipertikaikan lagi.

Walau bagaimanapun dalam usaha melahirkan usahawan dalam kalangan graduan, didapati bahawa terdapat agak ramai mereka yang tidak terus menjadi usahawan atas beberapa alasan. Peacock (1991) mendapati antara alasan yang diberikan ialah kekurangan modal, mendapat kerja bergaji, perlu memenuhi tanggungjawab kepada keluarga dahulu, perlukan lebih pengalaman, tidak menemui perniagaan yang sesuai dan sebab dalaman seperti kurang keyakinan diri dan belum rasa bersedia. Oleh yang demikian, kajian ini cuba menerokai alasan yang diberikan oleh graduan untuk tidak menceburi bidang keusahawanan sedangkan mereka telah diberikan pendidikan khusus dan terancang dalam bidang ini.

### **Program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (SMK)**

Program SMK di UUM telah diperkenalkan pada sesi pengajian 2004/2005. Matlamat program ini ialah melahirkan para graduan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan seperti kreativiti, kemampuan mengambil risiko, pengetahuan, kemahiran, inisiatif, fleksibiliti dan personaliti diri untuk merebut peluang-peluang baru dalam pasaran kerja, di samping memperbaiki peluang mobiliti kerjaya mereka, dan berupaya mengambil inisiatif membuka perniagaan baru sebagai kerjaya tetap mereka (Buku Panduan Akademik sesi 2009/2010, Kolej Perniagaan). Antara objektif program ini adalah seperti berikut:

1. Melahirkan graduan yang mampu mengaplikasi teori-teori perniagaan dalam pelbagai konteks, dan dilengkapi dengan ilmu yang menjurus kepada kerjaya keusahawanan.
2. Menghasilkan graduan yang mahu memulakan perniagaan mereka sendiri
3. Menghasilkan graduan yang kompeten dalam menyediakan khidmat perundingan, bimbingan dan nasihat kepada bakal-bakal usahawan.
4. Melahirkan graduan yang berupaya menjana pengetahuan yang akan membantu dalam peningkatan kerjaya di bidang institusi kewangan, jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana serta syarikat multinasional.

Program Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian telah dilancarkan pada Jun 2004 dengan pengambilan pelajar seramai 50 orang pelajar. Para graduan ini telah diberikan pendedahan dalam aspek kemahiran dan pengetahuan tentang persekitaran serta selok belok perniagaan yang mereka akan lalui. Dengan ini mereka akan menjadi lebih bersedia dan sudah dapat menjangkakan kesukaran yang akan dihadapi. Mereka juga dapat mengenal pasti kelebihan penglibatan dan faedah yang akan dinikmati apabila terlibat dalam perniagaan. Sehingga kini seramai 97 orang telah pun bergraduat pada konvoquesyen UUM ke 21 dan ke 22 pada tahun 2008 dan 2009.

Bagi tujuan kertas ini, kajian yang dilaksanakan adalah untuk meninjau sejauh mana perkembangan graduan program SMK selepas mereka menamatkan pengajian. Objektif kajian adalah untuk meninjau tahap penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan dan juga mengenal pasti alasan graduan untuk terlibat atau sebaliknya dalam bidang keusahawanan ini.

Persoalan kajian;

1. Apakah pengalaman keusahawanan graduan semasa berada di universiti?
2. Apakah persepsi graduan terhadap pengajian keusahawanan di UUM?
3. Berapakah jumlah dan peratusan graduan yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan pekerjaan lain?
4. Adakah graduan berkeinginan untuk menceburi bidang keusahawanan?
5. Apakah masalah yang berkemungkinan dihadapi apabila ingin memulakan perniagaan?

Dapatan daripada kajian diharap dapat membantu memantapkan perancangan di peringkat Kolej Perniagaan agar SMK menjadi lebih baik dan relevan dengan keadaan ekonomi semasa.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang bertujuan untuk menjana maklumat mengenai perkembangan graduan SMK. Populasi kajian terdiri daripada semua graduan SMK yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2010. Data telah dikumpulkan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara langsung kepada semua graduan semasa mereka menghadiri majlis konvokesyen di UUM pada bulan Oktober 2010.

Dalam kajian ini, item-item di dalam borang soal selidik adalah berbentuk soalan tertutup berdasarkan persepsi responden yang menggunakan skala Likert lima-mata iaitu 1 - Sangat Tidak Setuju, 2 - Tidak Setuju, 3 - Kurang Setuju, 4 - Setuju dan 5 - Sangat Setuju. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat berkenaan profil graduan. Bahagian B terdiri daripada soalan-soalan yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan tentang kandungan program Bent. bersesuaian dengan objektif program ini. Bahagian C pula akan mengandungi soalan-soalan yang berkaitan situasi peserta yang telah memulakan perniagaan sendiri dari segi prestasi perniagaan, masalah yang dihadapi dan keperluan-keperluan untuk membangunkan perniagaan. Bahagian D ialah soalan-soalan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi halangan kepada graduan SMK untuk memulakan perniagaan. Semua data yang diperolehi melalui borang soal selidik dikod dan dianalisis secara statistik deskriptif yang terdiri daripada frekuensi dan peratusan.

## DAPATAN

Jadual 1 menunjukkan data mengenai profil 51 orang graduan SMK yang telah menjawab soal selidik. Seramai 23 orang responden graduan lelaki dan 28 orang responden adalah graduan perempuan yang mana peratusan masing-masing sebanyak 45.1% dan 54.9%. Manakala dari aspek kaum pula, majoriti graduan terdiri daripada kaum Melayu (74.5%), diikuti kaum Cina (23.5%) dan lain-lain (2%).

### 1. Apakah pengalaman keusahawanan graduan semasa berada di universiti?

Kajian mendapati majoriti graduan pernah berniaga semasa pengajian iaitu dengan peratusan sebanyak 68.6% berbanding 36% graduan pernah mengikuti kursus serta latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak Institut Pembangunan Keusahawanan (CEDI), UUM. (Jadual 2)

Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti graduan pernah mengikuti latihan industri dengan peratusan sebanyak 100% dan kebanyakan dari mereka telah mengikuti latihan industri di organisasi swasta milik tempatan (37.3%), diikuti dengan sektor kerajaan (15.7%) dan badan berkanun (15.7%). Selebihnya, graduan pernah menjalani latihan industri di organisasi swasta multinasional (3.9%), syarikat berkaitan kerajaan (3.9%) dan organisasi bukan kerajaan (2.0%). (Jadual 3)

### 2. Apakah persepsi graduan terhadap pengajian keusahawanan di UUM?

Jadual 4 menunjukkan data berkenaan persepsi graduan terhadap pengajian SMK di UUM. Semua responden mempunyai persepsi bahawa pengajian keusahawanan di UUM adalah sesuai dilaksanakan. Dapatan ini disokong dengan hasil data yang menunjukkan skor min yang melebihi 3 (rujuk jadual 4). Menurut Alias Baba (1997) min di antara 3.01-4.00 dianggap mempunyai kedudukan tahap sederhana tinggi manakala min yang melebihi 4.01 berada di tahap tinggi. Penilaian skor min bagi profil ini adalah menggunakan skala seperti Jadual 5 di bawah.

### 3. Berapakah jumlah dan peratusan graduan yang terlibat dalam sektor pekerjaan?

Jadual 6 di bawah menunjukkan 64.7% graduan SMK telah bekerja makan gaji, hanya 33.3% sahaja yang memulakan perniagaan dan 2.0% graduan masih dalam proses mencari pekerjaan (sambung belajar). Data ini menunjukkan bahawa majoriti graduan yang berjaya membangunkan ekonomi diri sama ada secara bekerja makan gaji mahupun memulakan perniagaan sendiri.

Jadual 7 pula menunjukkan sebanyak 45.1% graduan telah bekerja di sektor swasta tempatan, diikuti dengan sektor swasta multinasional (11.8%), diikuti syarikat berkaitan kerajaan 4.0% dan badan berkanun 3.9%, seterusnya diikuti organisasi kerajaan dan NGO 2.0%. Justeru, sebanyak 31.3% graduan telah memulakan perniagaan sendiri setelah tamat pengajian.

### 4. Berapa ramai graduan SMK menjadi usahawan dengan membuka perniagaan?

Dapatan menunjukkan sebanyak 31.3% graduan telah memulakan perniagaan sendiri. Daripada jumlah tersebut, 41.1 % graduan memulakan perniagaan dengan membuka kedai makan/restoran, diikuti dengan 29.4% graduan menceburi bidang peruncitan (kedai runcit/pasaraya), 23.5% menceburi bidang francais dan hanya 6% dalam bidang perundangan. (Jadual 8)

5. Adakah graduan berkeinginan untuk menceburi bidang keusahawanan?

Hasil kajian mendapati majoriti graduan SMK mempunyai keinginan untuk membuka perniagaan sendiri pada masa depan iaitu dengan peratusan sebanyak 92.2%. (Jadual 9)

6. Apakah masalah yang berkemungkinan dihadapi apabila ingin memulakan perniagaan?

Walaupun majoriti graduan mempunyai keinginan untuk membuka perniagaan di masa depan, namun terdapat beberapa masalah yang dikenalpasti oleh graduan antaranya ialah kekurangan modal (68.8%), kurang pengalaman berniaga (39.2%), bebanan hutang yang ditanggung (25.5%) serta masalah lokasi yang tidak strategik dan kepakaran teknikal (23.5%) serta masalah pemasaran (19.6%). (Jadual 10)

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Penyelidik berpendapat bahawa kajian ini menunjukkan hasil dapatan yang menarik untuk dibincangkan. Sebanyak 68.6% graduan pernah berniaga semasa pengajian dan 70.6% graduan pernah mengikuti kursus atau latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak Institut Pembangunan Keusahawanan (CEDI). Dapatan ini menunjukkan bahawa Program SMK berjaya membudayakan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajarnya sejak pengajian di universiti lagi.

Semua responden mempunyai persepsi bahawa pengajian keusahawanan di UUM adalah sesuai dilaksanakan. Dapatan disokong dengan hasil data yang menunjukkan skor min yang melebihi 3. Menurut Alias Baba (1997) min di antara 3.01-4.00 dianggap mempunyai kedudukan tahap sederhana tinggi manakala min yang melebihi 4.01 berada di tahap tinggi. Sebanyak 33.3% graduan yang memulakan perniagaan sendiri telah menceburi bidang seperti francais (23.5%), kedai runcit/pasaraya (29.4%), restoran/kedai makan (41.1%) dan bidang perundangan (6.0%). Sebanyak 92.2% graduan SMK mempunyai keinginan untuk membuka perniagaan sendiri pada masa depan namun mereka telah mengenalpasti masalah yang dihadapi antaranya ialah kekurangan modal (68.8%), kurang pengalaman berniaga (39.2%), bebanan hutang pengajian (25.5%) serta masalah lokasi dan kepakaran teknikal (23.4%). Selain itu masalah pemasaran juga menjadi faktor masalah yang sering dihadapi oleh graduan dalam memulakan perniagaan (19.5%).

Sebagai kesimpulan, graduan SMK mempunyai potensi dan peluang untuk memulakan perniagaan sendiri dalam membangunkan sektor ekonomi diri kerana majoriti graduan SMK mempunyai pengalaman berniaga semasa pengajian di UUM tambahan pula mereka ini telah mengikuti kursus dan latihan yang dikendalikan oleh Institut Pembangunan Keusahawanan (CEDI) UUM. Latihan yang dikendalikan oleh CEDI, UUM telah mendapat pengiktirafan oleh pihak kementerian. Namun begitu harapan penyelidik agar penambahbaikan dapat dilakukan terhadap Program SMK bagi memastikan graduan SMK berjaya di dalam setiap bidang yang diceburi terutama dalam bidang perniagaan.

## RUJUKAN

- Alias Baba. 1997. *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faris, S. (1999). Seeking entrepreneurial origins: Are entrepreneurs born or made?. CELCEE DIGEST 99-1. <http://www.celcee.edu/publications/digest/99Dig-1.html> [16 Mac 2005].
- Gnyawali, , D.R., & Fogel, D.S (1994). Environments for entrepreneurship development: Key dimensions and research implications, *Entrepreneurship Theory and Practice*. 18 (4), 43-62.
- Habshah et. al. (2012). Kajian Pengesanan Graduan Sarjana Muda Keusahawanan 2010. Laporan Akhir Penyelidikan. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Peacock, R.W. (1991). A study of small-enterprise intenders who did not proceed, *Journal of Small Business and Entrepreneurship*. 8 (4), 28-40.
- Mona Ahmad.(2003). 50,000 Graduan Menganggur.*Berita Harian*.13 Mei
- \_\_\_\_\_, (2005). Penganggur berdaftar melebihi jawatan kosong. *Utusan Malaysia*. 23 Februari.

- \_\_\_\_\_.(2005). Hanya 18,070 Siswazah Menganggur: Mustapa. *Berita Harian*. 28 Mac
- Jabatan Perangkaan Malaysia.(2005). <http://www.statistics.gov.my>
- Kuratko, D.F. & Hodgetts, R.M. (2005). *Entrepreneurship – A contemporary approach* (7<sup>th</sup> Ed.), Harcourt College Publishers.
- Louis, J.F. (1993). Ten step to entrepreneurial teaching, *Journal of Small Business and entrepreneurship*. V (I), 68-77
- Zolkafli Hussin, Mohd Salleh Din, Abdul Malek Karim, Hajjah Mustaffa Mohd Hanafeah, Abdul Razak Salleh, Mahmood Nazar Mohamed & Abdul Razak Chik. 2004. Graduate employment as a challenge to higher education: The case of university Utara Malaysia. *Proceeding of International Conference on Management Education*, hlm. 712-719.

JADUAL 1: Profil Graduan

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	23	45.1
	Perempuan	28	54.9
Kaum	Melayu	38	74.5
	Cina	12	23.5
	Lain-lain	1	2.0

JADUAL 2: Pengalaman di universiti.

Pengalaman	Kategori	Kekerapan	Peratus
Berniaga	Pernah	35	68.6
	Tidak pernah	16	31.4
Mengikuti kursus atau latihan keusahawanan oleh CEDI	Pernah	36	70.6
	Tidak pernah	15	29.4

JADUAL 3: Latihan Industri

	Kategori	Kekerapan	Peratus
Mengikuti Latihan industri	Pernah	51	100.0
Sektor industri	Kerajaan	8	15.7
	Badan berkanun	8	15.7
	IKS/PKS	9	17.6
	Swasta (multinasional/asing)	2	3.9
	Swasta (tempatan)	19	37.3
	Syarikat berkaitan kerajaan	2	3.9
	Organisasi bukan kerajaan	1	2.0
	Tiada data	2	3.9

JADUAL 4: Persepsi Graduan Terhadap Pengajian Di UUM

Pengalaman	N	Min	Sisihan Piawai
Kesesuaian kurikulum	51	4.3603	.870
Sistem Penilaian	51	4.2824	.890
Kerjaya	51	3.9552	1.11
Kesediaan Tenaga Pengajar	51	4.2941	.880
Keberkesanan sistem pengajar dan kesediaan diri	51	4.2314	.580
Penilaian program keusahawanan	51	4.2304	.600

JADUAL 5: Skala Skor Min Dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Tahap Rendah
2.01 – 3.00	Tahap Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Tahap Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tahap Tinggi

Sumber : Alias Baba 1997

JADUAL 6: Status Semasa Gradúan

	Kekerapan	Peratus
Bekerja	33	64.7
Berniaga	17	33.3
Mencari kerja/Sambung belajar	1	2.0

JADUAL 7: Sektor Pekerjaan

	Kekerapan	Peratus
Kerajaan	1	2.0
Badan berkanun	2	3.9
Swasta (multinasional)	6	11.8
Swasta (tempatan)	23	45.1
Organisasi bukan kerajaan (NGO)	1	2.0
Syarikat berkaitan kerajaan	1	4.0
Berniaga	17	33.3

JADUAL 8: Jenis Perniagaan Jika Memulakan Perniagaan

	Kekerapan	Peratus
Francais	4	23.5
Kedai runcit/pasaraya	5	29.4
Perundingan	1	6.0
Restoran/kedai makan	7	41.1
<b>JUMLAH BERNIAGA</b>	<b>17</b>	<b>100</b>

JADUAL 9: Keinginan Memulakan Perniagaan Sendiri Pada Masa Depan

	Kategori	Kekerapan	Peratus
Ingin mula berniaga	Ya	47	92.2
	Tidak	2	3.9
	Tiada data	2	3.9

JADUAL 10: Masalah Yang Mungkin Anda Hadapi Apabila Ingin Memulakan Perniagaan

Jenis Masalah	Kekerapan	Peratus
Kekurangan modal	35	68.8
Lokasi yang tidak strategik	12	23.5
Masalah pemasaran	10	19.6
Kepakaran teknikal	12	23.5
Pengalaman berniaga	20	39.2
Tanggungan hutang pengajian	13	25.5
Masalah lain	3	5.9